



25 FEB, 2026

Kurangkan tekanan terhadap grid tenaga dan bekalan air negara

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Kerajaan mengehendkan kemasukan pusat data baharu yang tiada kaitan dengan kecerdasan buatan (AI) sejak hampir dua tahun lalu bagi mengurangkan tekanan terhadap grid tenaga dan bekalan air negara, kata **Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim**.

Mengakui terdapat lonjakan penggunaan tenaga dan air berikutan operasi pusat data, beliau bagaimanapun berkata, unjuran menunjukkan Malaysia ketika ini masih mempunyai keupayaan untuk memastikan bekalan mencukupi.

"Kita telah mengehendkan kemasukan pusat data yang baharu yang tidak ada kaitan dengan AI. Kalau ada manfaat dari sudut penambahan teknologi tinggi dan AI, itu mudah diluluskan."

"Jadi, semua permohonan baharu yang tidak ada kaitan ... sudah pun dihentikan," kata beliau pada sesi Waktu Pertanyaan-Perta-

HAD KEMASUKAN PUSAT DATA BAHARU TIADA KAITAN AI

Kurangkan tekanan terhadap grid tenaga dan bekalan air negara

anyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Anwar menjawab soalan tambahan **Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut)** berhubung kecikapan tenaga pusat data di Malaysia dan langkah kerajaan bagi memastikan kemasukan pelaburan pusat data secara besar-besaran tidak akan menyebabkan kenaikan tarif elektrik atau mengganggu bekalan pengguna domestik.

Menjelas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi jangka masa panjang, pelbagai usaha akan dilaksanakan termasuk memanfaatkan Grid Tenaga ASEAN dan rancangan penyaluran bekalan dari Sarawak ke Se-

menanjung. "Grid Tenaga ASEAN sedang diselenggara dari Vietnam ke Semenanjung hingga Singapura dan rencana mendapatkan tenaga dari Sarawak ke Semenanjung dan Singapura," kata beliau.

Sementara itu, menjawab soalan **Rodziah Ismail (PH-Ampang)** berhubung langkah dalam Rang Undang-Undang (RUU) Tadbir Urus AI bagi menangani isu hak cipta dan harta intelek, Anwar berkata, pengubalan RUU berkenaan akan memberikan penekanan khusus terhadap pertimbangan etika, hak rakyat serta risiko yang mungkin timbul.

Beliau berkata, perkara

itu berbeza dengan pendekatan diamalkan di barat ketika ini yang lebih menumpukan kepada perincian dari aspek undang-undang, manakala aspek akhlak dan moral tidak diberi keutamaan.

RUU berkenaan juga akan mengambil kira *AI Risk and Classification Framework* iaitu pendekatan berasaskan klasifikasi risiko termasuk mekanisme pelaporan kemudaratannya dan insiden bagi memastikan penggunaan teknologi itu tidak mengetepikan pertimbangan etika.

Anwar berkata, pendekatan itu turut merangkumi aspek pelaporan kemudaratannya dan insiden AI bagi memastikan sebarang

risiko dapat dipantau dan ditangani secara sistematik.

RUU itu kini, katanya, masih pada peringkat awal penggubalan di Kementerian Digital dan akan melalui proses libat urus termasuk penelitian jawatan kuasa khas Parlimen sebelum dimuktamadkan.

Beliau berkata, RUU itu penting bagi kerangka tadbir urus komprehensif yang meliputi keseluruhan kitaran hayat sistem AI termasuklah pembangunan, latihan, pelaksanaan, pemantauan serta pengurusan risiko.

"Ini merupakan suatu pendekatan dan ikhtiar baharu bagi negara dan kebanyakan negara. Ia juga

akan memperincikan isu pertanggungjawaban, isu etika dalam penggunaan dan melibatkan juga pembangunan dan pelaksanaan sistem AI.

"Oleh sebab RUU ini merupakan satu pendekatan baharu, ia juga memastikan bahawa undang-undang yang ada sekarang harus terpakai dan boleh dilaksanakan," kata beliau.

Pada masa sama, kata Anwar, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) juga perlu berkeupayaan memastikan pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan berkesan, termasuk dalam konteks bahan digunakan sebagai *input* untuk melatih sistem AI serta hasil dijana daripadanya.

Beliau berkata, perlindungan terhadap *input* dan *output* sistem AI diperuntukkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan perlu dikuatkuasakan secara lebih berkesan.